

NAMA: _____

Nota: Kata ganda penuh ialah proses yang menggandakan keseluruhan kata dasar dengan menambahkan tanda sempang (-) ditengah.

Contoh: makanan → makanan-makanan, ketua → ketua-ketua, rumah → rumah-rumah.

Arahan: Lengkapkan tempat kosong di bawah dengan jawapan yang betul.

Bermain Galah Panjang



Semasa di kampung, Hanif berpeluang untuk bermain galah panjang. Setelah pulang ke Melaka, Hanif menerangkan cara bermain galah panjang kepada kawan-kawannya.

Kata dasar
kawan

Kata ganda penuh
kawan-kawan

Kawan-kawan, permainan galah panjang ialah sejenis permainan yang melintasi **garisan-garisan** terhalang. Galah panjang dimainkan oleh dua pasukan, iaitu pasukan penyerang dan pasukan pertahanan. Pasukan itu mempunyai sepuluh orang pemain. Pemain akan dibahagikan kepada dua kumpulan tersebut.

Ketua-ketua pasukan mengawasi setiap pemain. _____ pasukan pertahanan menjaga garisan melintang di dalam gelanggang. _____ hendaklah melepasi _____ hingga garisan belakang sekali dan kembali semula ke garisan permulaan untuk memungut mata kemenangan.

Pasukan penyerang akan dikira kalah jika seorang daripada penyerang mereka dicuit oleh pemain pasukan pertahanan.

(Sumber: Diubah suai daripada Siri Panduan Permainan Tradisional Kanak-kanak (2015))



Info Bahasa

Kata ganda penuh terbentuk daripada kata dasar yang diulang keseluruhannya dan diletakkan tanda sempang (-).

Contoh: buku → buku-buku
guru → guru-guru

Kata ganda penuh membawa maksud jamak (banyak).

Contoh: kawan → tunggal
kawan-kawan → jamak



Aktiviti